



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 1 tengah hari, Sabtu 16 September 2023.

Untuk Terbitan Media  
16 September 2023

## **SIARAN MEDIA**

### **KARNIVAL KERJAYA MFJ & SKSSR PERLIS TAWAR 1,200 PELUANG KERJA ALERT: SKALA GAJI ANTARA RM1,500 HINGGA RM8,000**

**KANGAR:** Lebih 1,200 peluang pekerjaan ditawarkan untuk rakyat Perlis, sempena penganjuran Karnival Kerjaya MYFutureJobs & Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah Negeri Perlis 2023.

Karnival yang berlangsung selama dua hari, mulai hari ini di Dewan Serbaguna Institut Latihan Perindustrian (ILP), di sini menyaksikan penyertaan sekitar 25 majikan yang menyajikan pelbagai tawaran kerjaya, dengan skala gaji antara RM1,500 hingga RM8,000 sebulan.

Antara majikan yang terbabit dalam edisi penganjuran kali ini adalah Chin Hin (Jitra) Sdn. Bhd.; Perlis Specialist Hospital Sdn. Bhd.; Tentera Laut Diraja Malaysia; RHB Bank; Measat Broadcast Network Systems Sdn. Bhd.; AFM Holdings Sdn. Bhd. dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Negeri Perlis.

Program yang diyakini berupaya memacu sosioekonomi penduduk Perlis ini juga turut memberi perhatian kepada Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR). Setakat 14 September lalu, liputan caruman bagi skim ini membabitkan seramai 186,782 suri rumah di seluruh negara, termasuk 2,369 suri rumah di Perlis.

Perasmian program disempurnakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, Muhammad Azmir Azizan. Turut hadir adalah Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pengurusan), Dr. Faizal Kamarudin; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pembangunan), Rusdi Yahya; Pengarah PERKESO Negeri Perlis, Basharudin Khalid; Pengarah Institut Latihan Perindustrian Kangar, Mohd Yusri

Mohd Rahim dan Pengarah Wilayah Utara Lembaga Tabung Haji (TH), Dato' Haji Mokhzani Mukhtar.

Tamat

###

**Mengenai PERKESO**

Ditubuhkan pada 1971, PERKESO kini menyediakan jaringan perlindungan sosial kepada lebih 9 juta pencarum, 494,673 majikan aktif di Malaysia. Pasca 2018, PERKESO berperanan merancakkan pasaran buruh merangkumi gantian pendapatan, padanan kerjaya, peningkatan kemahiran serta bimbingan kerjaya. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:  
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat  
16 SEPTEMBER 2023**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:  
Mohd Wazid Zaidon  
+6017-619 3181  
[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**